

23 NOV 2002

Sukan-Perahu Layar (Regata)/I

ACARA TAHUNAN REGATA DIRAJA LANGKAWI PADA MAC

LANGKAWI, 23 Nov (Bernama) -- Kira-kira 60 pelayar akan mengambil bahagian dalam acara tahunan Regata Antarabangsa Diraja Langkawi 2002 untuk merebut Tropi Cabaran Perdana Menteri di Kelab Perahu Layar Langkawi.

Pengerusi kelab itu Tunku Tan Sri Abdullah Tuanku Abdul Rahman berkata kira-kira 29 pelayar mengesahkan penyertaan mereka di samping peserta daripada beberapa kelab antarabangsa dijangka mengambil bahagian.

Acara tahunan itu akan dibahagikan kepada dua bahagian dengan kapal layar yang lebih besar mengambil bahagian dalam Tropi Cabaran Perdana Menteri sementara kapal yang didaftar atas nama kelab mengambil bahagian dalam acara Piala Komodor Perahu Layar Diraja Langkawi.

Regata itu dianjurkan untuk memperingati jasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa, katanya.

Regata yang berupa karnival itu, yang akan turut dipenuhi dengan pertunjukan fesyen dan kebudayaan, diadakan sempena tahun keenam operasi kelab berkenaan, tambahnya.

Tunku Abdullah berkata regata itu merupakan cara lebih baik untuk merayakan penyiapan benteng pemecah air bagi membolehkan kelab itu menambah kemudahan berlabuhnya daripada 44 kepada 201.

Beliau berharap regata berkenaan dapat mempromosi Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa dan menarik lebih banyak pelayar daripada seluruh negara ke pulau itu ekoran ia sebagai tempat paling selamat di dunia.

Yuran penyertaan regata itu adalah sebanyak RM450 yang mengandungi seorang kapten dan tiga anak kapal.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada pihak penganjur di talian 04-9664078 atau e-mail di wiicky@langkawiyachtclub.com.

-- BERNAMA

NH AO HM